

Empangan Klau siap dibina

Sebahagian Projek Penyaluran Air Mentah Pahang-Selangor

SALEHUDIN MAT RASAD | 16 Disember 2015 1:22 AM

0 0 Google +0



Shahiruddin AB. MOIN (kanan) meninjau sekitar Empang Klau yang siap dan mula dilimpahi air di Dong, Raub, Pahang, semalam. Utusan/SALEHUDIN MAT RASAD RAUB 15 Dis. - Empangan Klau di bawah Projek Penyaluran Air Mentah Pahang-Selangor (PPAMPS) siap dibina tahun lalu dan sedia beroperasi walaupun pembinaan Loji Rawatan Air Langat 2 dijangka siap sepenuhnya pada 2019.

Pengerusi Jawatankuasa Koperasi, Usahawan dan Kepenggunaan negeri, Datuk Seri Shahiruddin Ab. Moin berkata, empangan yang membentuk sebuah tasik buatan seluas kira-kira 331 kilometer (km) persegi itu berkemampuan untuk membekalkan air kepada rakyat di Selangor. Selain itu katanya, empangan yang terletak dalam kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Dong tersebut juga akan menjadi destinasi pelancongan baharu di daerah ini, sekali gus sebagai sumber ekonomi kepada penduduk di situ.

“Empangan Klau ini seperti Empangan Tasik Kenyir di Terengganu dan sangat berpotensi untuk dijadikan sebagai pusat pelancongan air terkenal di peringkat domestik dan antarabangsa.

“Pelbagai aktiviti dan pertandingan memancing peringkat nasional dan antarabangsa dirancang untuk menjadikan Empangan Klau tumpuan masyarakat menjalankan aktiviti rekreasi,” katanya kepada pemberita selepas melawat dan meninjau projek empangan tersebut di sini hari ini. Shahiruddin yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Dong berkata, dalam tempoh dua tahun ini, penduduk sekitar seperti di Felda Lembah Krau, Felda Krau 1, Felda Krau 2, Felda Krau 3 dan Rancangan Tanah Pemuda (RTP) Lembah Klau berpeluang memanfaatkan tasik buatan yang wujud di situ.

Katanya, beliau berbangga Empangan Klau bukan sahaja memberi faedah kepada penduduk setempat di daerah itu dari segi ekonomi tetapi juga kepada rakyat di Selangor menerusi penyaluran air mentah ke negeri itu.

“Penduduk berhampiran kawasan empangan ini tidak perlu bimbang kerana paras air di Empangan Klau yang ketika ini berada pada paras tertinggi tidak akan menyebabkan berlakunya banjir,” katanya.

- See more at: <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/empangan-klau-8232-siap-dibina-1.169409#sthash.aXaEbTGy.dpuf>